



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN  
MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**7 SEPTEMBER 2022**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• "50 ekor ikan pemangsa baung merah berjaya ditangkap"</li></ul>
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Harakah	
Oriental News Daily	
The Borneo Post (KK)	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		18 7/9/2022

# 50 ekor ikan pemangsa baung merah berjaya ditangkap

KOSMO! 7/9/2022  
ms 18

**JERANTUT** – Sebanyak 50 ekor ikan baung ekor merah yang merupakan ikan pemangsa seberat 296.23 kilogram (kg) berjaya ditangkap dalam tempoh 24 jam sempena pertandingan Moh Buru Baung Ekor Merah di Jerantut Feri di sini kelmarin.

Dalam pertandingan yang disertai 170 peserta itu, nelayan sungai dari Kampung Pedah di sini, Mohd. Aizuddin Rahimi muncul juara dan membawa pulang RM3,000 selepas menangkap seekor ikan baung ekor merah seberat 19.38 kilogram.

Bagi kategori tangkapan terbanyak pula dimenangi oleh Rosli Aziz Chan dari Kampung Jerantut Feri dengan hadiah bernilai RM2,000 selepas memperoleh 18 ekor ikan baung ekor merah.

Pertandingan anjuran Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Jerantut dan Jabatan Perikanan Pahang sempena Bulan Kebangsaan 2022 itu berlangsung di kawasan Sungai Tembeling dan Sungai Pahang di daerah ini.

Peserta hanya dibenarkan menggunakan joran, tajur, jaring dan jala.

Mohd. Aizuddin berkata, dia memasang 40 batang tajur dengan umpan anak ikan keli di tebing Sungai Pahang berdekatan Kampung Pedah sejak pertan-



**AHLI Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris (kanan) melihat ikan baung ekor merah yang ditangkap di Jerantut Feri, Jerantut kelmarin.**

dingan bermula pada pukul 11 pagi kelmarin.

“Saya tidak mengharapkan dapat ikan baung ekor merah seberat ini memandangkan sebelum ini cuma dapat tangkap ikan seberatnya kurang 10kg.

“Lebih kurang 10 jam memasang tajur, saya kembali semula ke sungai dan terkejut mendapati seekor ikan yang besar,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Perikanan Pahang,

Muhammad Nur Ashri Bassari berkata, pertandingan itu bertujuan mengurangkan jumlah ikan baung ekor merah yang menjadi ancaman kepada ikan liar di perairan sungai negeri ini.

“Jabatan Perikanan sentiasa memberikan sokongan dan galakan untuk menganjurkan pertandingan menangkap ikan baung ekor merah ini, malah ia perlu lebih kerap diadakan,” ujarnya.